

07 MAY 1997

Mahathir-Cuti

MAHATHIR DUA BULAN DI LUAR NEGARA, ANWAR PEMANGKU PM

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berada di luar negara selama dua bulan untuk lawatan rasmi dan kerja yang diselang-seli dengan percutian mulai 19 Mei ini.

Memandangkan tempoh ketiadaannya agak panjang, Dr Mahathir dijangka melantik Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memangku jawatan Perdana Menteri.

Beberapa menteri dan timbalan menteri yang ditemui hari ini mengesahkan berita mengenai percutian Dr Mahathir yang mula tersebar awal minggu ini.

Sehingga petang ini belum ada sebarang pengumuman rasmi sementara Dr Mahathir kini berada di Afrika Selatan dan dijadual pulang esok.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang ditemui selepas mesyuarat Kabinet hari ini berkata Dr Mahathir akan pergi ke London untuk mempromosikan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Selepas itu beliau dijadual membuat sama ada lawatan rasmi atau lawatan kerja ke beberapa negara Eropah Timur termasuk Poland, Hungary dan Rusia.

Ling berkata Dr Mahathir mahu berada di Eropah dalam tempoh antara lawatan-lawatan itu untuk mengelakkan masalah menyesuaikan dengan masa yang berbeza-beza jika beliau hendak berulang-alik.

"Saya rasa lebih baiklah terus berada di kawasan dalam lingkungan waktu yang sama daripada terbang balik sebegitu jauh, kemudian pergi semula ke sana," kata Dr Ling.

Beliau berkata memandangkan kesibukan dalam perjalanan urusan kerajaan kini, wajarlah bagi Dr Mahathir yang sentiasa mempunyai jadual yang ketat, untuk berehat.

Sambil menjelaskan bahawa beliau hanya memberi pendapat peribadinya, Dr Ling berkata apabila seseorang mengambil cuti, ada kemungkinan juga dia ingin memberi tempoh latihan kepada sesiapa sahaja yang bakal mengambil tempatnya apabila tiba masanya nanti.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman pula berkata, Dr Mahathir dijangka memaklumkan secara terperinci kepada Kabinet mengenai lawatan kerja dan percutiannya itu Rabu ini.

Katanya, Perdana Menteri pada mesyuarat Kabinet minggu lepas telah memaklumkan cadangannya untuk melawat beberapa negara Eropah sekali gus.

"Perdana Menteri akan melawat banyak negeri. Dalam masa itu ada selang-selang dia nak cuti. Mungkin Dr Mahathir melawat sebuah negeri, kemudian rehat dulu sebelum melawat negeri lain. Minggu depan kita tahulah," katanya ketika ditemui pemberita di ruang legar bangunan Parlimen.

"Biasanya Datuk Seri Anwar akan menjalankan tugas-tugas Perdana Menteri," katanya ketika diminta mengulas laporan bahawa Anwar akan dilantik sebagai Pemangku Perdana Menteri.

Sementara itu, Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar berkata, lawatan kerja dan cuti Dr Mahathir belum lagi diputuskan secara muktamad.

"Tunggulah Perdana Menteri balik esok," katanya di ruang legar bangunan Parlimen.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz pula berkata beliau mendapat tahu Anwar akan dilantik memangku jawatan Perdana Menteri sepanjang ketiadaan Dr Mahathir.

Ketika ditanya mengapa perlu dilantik Pemangku Perdana Menteri kerana sebelum ini pun Dr Mahathir sering ke luar negara tanpa membuat pelantikan sedemikian, Nazri berkata, kali ini ia berbeza sebab Perdana Menteri akan

berada di luar negara selama dua bulan dan "bukan sekejap-sekejap" seperti  
sebelum ini.

-- BERNAMA

AH YBK NMO